

**Najib Harap Pelajar Dapat Manfaat Dari Bantuan RM400,000 Kepada 8 Buah SJKC Bernama
5 Februari, 2013**

KUALA LUMPUR, 5 Feb (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak berharap bantuan berjumlah RM400,000 bagi memperbaiki lapan buah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Kuala Selangor akan memberi manfaat kepada pelajar di sekolah tersebut.

"(Kami) telah mengagihkan RM400,000 sebagai bantuan memperbaiki bangunan kepada lapan sekolah kebangsaan Cina di Kuala Selangor. Saya harap bantuan itu akan amat memanfaatkan pelajar," katanya dalam tweet terbaru beliau Isnin malam.

Pada Ahad, kesemua sekolah berkenaan masing-masing menerima bantuan RM50,000 daripada Kementerian Kewangan.

Sekolah tersebut ialah SJKC Liat Choon, SJKC Chung Wah, Jalan Sasaran, SJKC Pui Teh, SJKC Liat Choon, kesemua di Jeram, SJKC Yuk Chin, Bestari Jaya, SJKC Pui Chi, Assam Jawa, SJKC Ijok dan SJKC Aik Thee di Kuala Selangor.

Bantuan pendidikan kepada sekolah disalurkan oleh kerajaan Barisan Nasional (BN) di bawah kepimpinan Najib berdasarkan kesedaran bahawa negara memerlukan modal insan berpengetahuan untuk mencapai status negara maju.

-- BERNAMA

Copyright © 2013 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=926082>